

23 JAN 2002

LEAD/MAHATHIR-MEDIA/I

DR MAHATHIR: SAYA TIDAK PUTUSKAN MENTERI KEWANGAN KEDUA

KUALA LUMPUR, 23 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menolak spekulasi kononnya beliau telah melantik bekas gabenor Bank Negara, Tan Sri Ali Abul Hassan Sulaiman menjadi Menteri Kewangan Kedua.

"Saya tidak sedar mengenai perkara ini sehingga anda tanya," katanya semasa diminta oleh seorang pemberita mengulas mengenai laporan agensi berita yang Ali telah dipilih untuk tugas itu selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Barisan Nasional di sini hari ini.

Dr Mahathir turut membidas media, dengan berkata bahawa mereka seolah-olah lebih tahu daripada beliau.

"Saya juga mahu menyatakan bahawa saya tidak membawa kenderaan pacuan empat roda dengan seseorang ke Lebuh raya Karak.

"Saya fikir orang ini tidak harus mengendalikan sebarang majalah atau akhbar sama sekali jika mereka begitu kering dengan berita (sehingg) mereka terpaksa mereka-reka cerita," katanya.

Dr Mahathir merujuk kepada laporan oleh sebuah majalah perniagaan serantau yang kononya beliau telah membawa seorang bekas menteri daripada penjara untuk pertemuan selama sejam mengenai perdamaian politik semasa perjalanan kereta di Lebuh raya Karak. -- BERNAMA

SHO MR OS